

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 Mac 2017

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di daerah Subis dalam (Parlimen Sibuti)

JAWAPAN

Fenomena penuaaan penduduk akan menjadi satu cabaran di masa hadapan di mana mengikut unjuran penduduk Malaysia akan mengalami status 'Negara Tua' pada tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus. Kerajaan mengambil berat berkaitan penyediaan infrastruktur dan kemudahan kepada warga emas di mana ia turut terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) di bawah Strategi B5: Menambahbaik Persekitaran Warga Emas di mana usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan. Melalui bajet 2017 yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri, sebanyak 8 buah PAWE baharu akan ditubuhkan pada tahun ini dan dengan penambahan PAWE baharu ini telah menjadikan sebanyak 59 PAWE diwujudkan. Menjadi hasrat Kementerian untuk memperluaskan lagi PAWE ke seluruh kawasan Parlimen di Malaysia. Walau bagaimanapun penubuhan PAWE baharu adalah tertakluk kepada peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

